

Headline	Ke arah mengangkat tamadun Islam sedunia	Language	Malay
Date	18 Nov 2009	Page No	L-N16
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	663 cm ²
Section	Nasional	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	3,647
Frequency	Daily	PRValue	10,940
Circ / Read	60,000 /		



Ke arah mengangkat tamadun Islam sedunia

Ke arah mengangkat tamadun Islam sedunia, komitmen negara dan umat Islam itu, bukan hanya komitmen perasaan keislaman tetapi komitmen dana dan tenaga. Umpamanya untuk memperlihatkan hubungan peradaban atau tamadun dengan hubungan antara budaya, program kerjanya tentulah melibatkan projek penyelidikan, penerbitan dan aktiviti korporat yang memerlukan sokongan bukan sedikit.

ketika itu.

IRCICA sebelum ini adalah di bawah pimpinan Prof Dr Ikmeleddin Ihsanoglu, sebagai Ketua Pengarah pertamanya yang sekarang Setia Usaha Agung OIC. Sejak 2005 itu IRCICA ditadbir Dr Halit Eren. Kedua-dua mereka berasal dari Turki. Dengan sokongan kewangan dari 57 buah negara anggota (meskipun tidak secara tetap membuat sumbangan tahunan masing-masing), kejayaan IRCICA bukan sedikit: bertindak sebagai pusat pertemuan sarjana, pakar, penyelidik, seniman, institusi, organisasi dan pelbagai pihak dari kalangan negara anggota dan bukan negara anggota berhubung dengan program tamadun Islam.

Untuk mengangkat sesebuah tamadun yang maju berkembang merentasi zaman, yang sesekali mengalami jatuh bangun atau turun naiknya, bukan kerja mudah. Islam mencapai aneka kegemilangannya dalam sejarah kemajuan tamadunnya di Afrika, Eropah, Asia Barat, Asia Timur

dan Asia Tenggara. Kini pengaruh Islam mula menapak di Amerika dan Australia. Kehebatan Islam bermula pada zaman Rasulullah ke zaman Khalifah, Abbasiyyah, Umaiyah, Andalusia, zaman Moghul, zaman Ottoman bahkan zaman Empayar Melayu Melaka memang mengagumkan dunia. Jadi tidak menghairankan apabila Islam sentiasa berhadapan dengan mereka yang mencemburui kebesarannya, termasuk Nasara dan Yahudi itu, memasang strategi dan jerat pendekatan bagi memusnahkan Islam yang terdiri dari bermacam jenis bangsa Islam itu.

IRCICA telah melihat fenomena dunia moden ini dengan mengambil iktibar dari laluan sejarah Islam dengan peradaban manusia sejagat. Lalu digariskan kerjasama pelbagai pihak seluruh dunia bagi menangkis prejudis terhadap Islam dan tamadunnya, membetulkan citra sebenar Islam, menerangkan kepada dunia akan peranan dan tempat manusia mencipta tamadun dalam erti keamanan dan keselamatan menurut Islam, memupuk persefahaman dan dialog kebudayaan antara umat Islam dengan orang lain. Penyelidikan, penerbitan dalam pelbagai bentuk media terutamanya buku,

GEGER SOKMO | A AZIZ DERAMAN

Malaysia sendiri amat terlibat dengan program IRCICA. Seawal 1985, Malaysia menggerakkan kajian tentang peradaban Islam di Asia Tenggara.



Minggu lalu pada 7 hingga 10 November 2009, penulis berada di Istanbul, Turki kerana menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah IRCICA sesi ke-24. Penulis menduduki Lembaga Pengarahnya mulai tahun 2004, tahun persaraan dari perkhidmatan Kerajaan dan disambung semula mulai tahun 2009 ini. IRCICA akronim bagi Research Centre for Islamic History, Art and Culture atau Pusat Penyelidikan Sejarah, Kesenian dan Kebudayaan Islam mula berfungsi sesudah penerimaan program kerja tahunan pertamanya oleh Persidangan Menteri Luar Negara Islam ke 11, di Islamabad 1980. IRCICA adalah sebuah organisasi di bawah Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) telah disahkan pembentukannya melalui resolusi persidangan yang sama di Istanbul pada tahun 1976.

Selama hampir 30 tahun usianya, IRCICA cukup berjaya memenuhi objektif dan fungsinya sebagai pusat penyelidikan dan pengembangan tamadun Islam. Penulis boleh dikatakan terlibat sejak awal, yakni pada tahun 1983 apabila menghadiri majlis penubuhannya yang diadakan di Istanbul sempena sambutan 1400 Hijrah. Penulis pada masa itu adalah Ketua Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan ke sana atas undangan Kerajaan Turki dan Urusetia OIC, serta mengiringi Allahyarham Datuk Haji Mohamad Nasir selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Headline	Ke arah mengangkat tamadun Islam sedunia	Language	Malay
Date	18 Nov 2009	Page No	L-N16
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	663 cm²
Section	Nasional	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	3,647
Frequency	Daily	PRValue	10,940
Circ / Read	60,000 /		

bibliografi, katalog, album dan sebagainya tentang sejarah Islam dilakukan untuk faedah semua. Subjeknya pula meliputi antara lainnya rujukan tentang sejarah bangsa-bangsa Islam, kesenian dan sains Islam, warisan kebudayaan dan lain-lain aspek kebudayaan dan tamadun Islam.

Penulis melihat penyebaran , maklumat dan kebijaksanaan mengenal pasti saluran berkesan tidak lagi boleh dipandang ringan. Wahana persidangan, seminar dan pameran mungkin menjadi antara caranya, tetapi perhatian khusus bagi keperluan kebudayaan di kalangan bangsa-bangsa Islam dan komunitinya yang mungkin merupakan golongan minoriti di negara bukan Islam perlu diperkukuh melalui kesedaran atau kesepaduan kebudayaan. Kita kena menilai sumber dan produk kebudayaan, saintifik, seni dan kehidupan budaya yang lain dalam sejarah Islam, meningkatkan kajian ilmiah dan kesedaran umum umatnya tentang pencapaian peradaban Islam. Kajian tentang aspek-aspek warisan Islam hatta yang berhubung dengan arkeologi, pembangunan kota dan seni bina monumen Islam, manuskrip, hasil sastera, kraf dan apa sahaja bentuk ekspresi budaya Islam dilakukan. Program berbentuk data bank, direktori, arkib, pustaka memerlukan kesalingan kerja, saling melengkapi antara bermacam kepakaran ilmu. Negara-negara Islam sendiri akan banyak memperoleh manfaat rujukan dan nasihat dari sumber-sumber sendiri tadi.

Fungsi dan peranan IRCICA telah diterjemahkan ke dalam program yang mengambil kira manfaat ilmu dan pengetahuan untuk seluruh negara Islam dan kepentingan Islam di mata dunia. Bidang-bidang seperti peradaban Islam dan hubungan antara budaya; sejarah dan kebudayaan bangsa-bangsa Islam; kajian bibliografi tentang sumber sejarah dan kebudayaan khususnya tentang naskhah dan terjemahan kitab suci al-Quran dan kajian mengenai

sejarah sains dan kebudayaan Islam, bidang arkitektur, arkeologi, kesenian dan sejarah seni, program pembangunan kraf, serta perpustakaan dan arkib telah dijadikan program tahunan yang menarik perhatian dunia. Apabila sesebuah agensi itu ada keterbukaan sikap dan ada hikmah dalam bertindak, maka ia akan lebih disegani dan secara tidak langsung memberi manfaat untuk semua.

Ke arah mengangkat tamadun Islam sedunia, komitmen negara dan umat Islam itu, bukan hanya komitmen perasaan keislaman tetapi komitmen dana dan tenaga. Umpamanya untuk memperlihatkan hubungan peradaban atau tamadun dengan hubungan antara budaya, program kerjanya tentulah melibatkan projek penyelidikan, penerbitan dan aktiviti korporat yang memerlukan sokongan bukan sedikit. Ada kajian telah dilakukan tentang imej Islam dalam buku teks, kongres tentang sumbangan Islam terhadap peradaban dunia, kepustakaan Islam sejak dahulu hingga sekarang, warisan budaya Islam di Al-Quds dan Palestin, sejarah negara Arab sebagaimana tergambar dalam dokumen rasmi Ottoman, waqaf dalam Islam dan siri-siri seminar dan penerbitan tentang peradaban Islam di wilayah tertentu.

Penulis memang terpicik dengan program mengkaji peradaban Islam di wilayah-wilayah tertentu dunia Islam. IRCICA telah menganjurkan seminar dan menerbitkan dokumen tentang subjek ini, sekadar contoh meliputi peradaban Islam di Asia Tenggara, peradaban Islam di Volga-Ural, Balkan, Asia Tengah, Afrika Barat dan penerbitan tentang sejarah peradaban Ottoman, dan sebagainya. Bahan-bahan itu pula diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa dunia Islam seperti Arab, Turki, Persia, Urdu, bahasa Melayu dan bahasa utama dunia seperti Perancis dan Inggeris dan jika ada keperluan rujukan misalnya ke bahasa Jepun. Antara kegiatan seni yang dilaksanakan pula ialah festival muzik, filem, pameran foto, kraf dan siri-siri kuliah ilmu pelbagai

bidang tamadun.

Malaysia sendiri amat terlibat dengan program IRCICA. Seawal 1985, Malaysia menggerakkan kajian tentang peradaban Islam di Asia Tenggara. Brunei dan Indonesia ikut serta. Bukunya telah diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tahun 1997, yang sebelumnya melibatkan kerja-kerja penyelidikan, seminar dan bengkel. Projek ini pada mulanya di selaraskan Prof Muhammad Naguib al-Attas dan kemudiannya dipersiapkan di bawah Prof Datuk Dr Mohd Taib Osman. KKBS dan DBP memainkan peranan kordinasi yang sangat bermakna. Terjemahan ke bahasa Turki dan Persia sudah diterbitkan dan sekarang sedang diusahakan terjemahan ke edisi Arab dan Urdu dari penerbitan asalnya berbahasa Inggeris. Juga kini Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) sedang berusaha menterjemahkan dua jilid buku tentang Sejarah dan Peradaban Ottoman ke bahasa Melayu. Terjemahan dalam bahasa Inggeris, Turki, Arab, Rusia, Bosnia dan Albania sudah dilakukan.

Kerja mengangkat sesebuah tamadun, mengembalikannya atau mendorong perkembangannya sangat-sangat memerlukan keilmuan dan gabungan tenaga, dari kepakaran ilmu dan usaha teknikal, media dan cara, dana dan sokongan moral, sinergi institusi dan organisasi bahkan apa sahaja rangkaian kerjasama pelbagai pihak. Mengangkat tamadun Islam mungkin lebih sukar dalam era konflik Islam-Barat pada zaman globalisasi kini dan cabaran baru abad ke-21. Begitu juga kedudukan peradaban Islam di Alam Melayu dengan sifat kepelbagaian yang ada, sifat asal umat dan daerahnya atau sifat baru dengan demografi bentuk baru selepas kemerdekaan Malaysia, Indonesia dan Brunei, menuntut cara dan kaedah yang cukup berhikmah. Mahu tidak mahu program kajian tentang kedudukan peradaban Islam di Alam Melayu itu perlu diteruskan kerana sumbangan besarnya terhadap tamadun manusia sejagat yang akan membantu mengangkat tamadun Islam sedunia.